



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/5/2019	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

SPAN sambut baik langkah warta Hutan Simpan Ulu Muda

CYBERJAYA - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Kedah mewartakan Hutan Simpan Ulu Muda sebagai Taman Negeri.

Pengerusinya, Charles Santiago berkata, pihaknya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir atas pewartaan tersebut.

Menurutnya, sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air, SPAN menyokong sepenuhnya langkah yang diambil bagi memastikan kawasan tersebut kekal terpelihara.

"Terutamanya sebagai sumber bekalan yang bebas daripada ancaman pencemaran dan menjamin bekalan air yang berterusan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, SPAN juga berharap langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Kedah ini menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

"Negeri-negeri lain diharapkan turut mengikut langkah Kerajaan Negeri Kedah untuk mewartakan kawasan-kawasan hutan tadahan bagi menjamin kelestarian sumber air bagi kesejahteraan rakyat sejagat.

"Pada masa sama SPAN berharap Kerajaan

Persekutuan juga dapat memainkan peranan dalam menggalakkan lebih banyak negeri mewartakan kawasan-kawasan hutan tadahan sebagai Taman Negeri atau Taman Negara dan kawasan-kawasan yang telah diwartakan sebagai hutan terpelihara sebelum ini dapat dikekalkan status pewartaannya," katanya.



CHARLES